

BAHASA DALAM MATERA MENGIKUT BUDAYA MELAYU
LANGUAGE IN MATRA BASED ON THE MALAY CULTURE

Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi*,
Norazimah bt Zakaria & Mohd Rosli bin Saludin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Perak, Malaysia.

*mazarul@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Menurut George A. Miller (1965), ilmu psikolinguistik bertujuan untuk menghuraikan proses psikologi yang berlaku ketika manusia menggunakan ayat. Beliau pernah menegaskan bahawa kelahiran disiplin ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ahli psikologi sudah lama mengakui bahawa otak manusia itu menerima simbol-simbol linguistik. Sehubungan itu, bahasa atau dunia kata-kata dalam mantera akan dilihat berdasarkan bagaimana bentuk pengucapan mantera boleh mempengaruhi pemikiran atau psikologi manusia atau individu yang mengamalkannya. Makalah ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti bentuk bahasa mantera dan kedua adalah menghuraikan bagaimana bentuk tersebut dapat mempengaruhi khalayak yang mengamalkannya. Makalah ini akan menggunakan teori psikolinguistik yang melihat proses kreatif dalam berbahasa boleh mempengaruhi psikologi manusia dan teori struktural yang melihat dunia katakata dalam mantera. Teori struktural tidak akan dilihat sebagai dunia yang autonomous tetapi akan dihubungkan dengan konteks atau budaya masyarakat yang melahirkan mantera.

Mantera ialah karangan berangkap yang menerangkan world-view dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya. Kesimpulannya, dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang psikologi manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu tersebut. Namun, penggunaan mantera bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Kata Kunci: Psikolinguistik, Mantera, Struktural, Psikologi, Ghaib

ABSTRACT

According to George A. Miller (1965), the science of psycholinguistics aims to describe the psychological processes that occur when people use verse. He pointed out that the birth of this discipline is something that cannot be avoided because psychologists have long recognized that the human brain receives linguistic symbols. In this respect, the language or the words of the mantra will be based on how the pronunciation of mantras can affect the mind or human psychology or individuals who practice it. This paper has two objectives, namely to identify the language of the mantra and the second is to explain how these forms can affect people who practice it. This paper will use psycholinguistic theories that see the creative process in language can affect human psychology and structural theory that sees the world the words in the mantra. Structural theory will not be seen as an autonomous world but will be linked to the context or culture that spawned the mantra. The mantra is linked essays describing the world-view of the cosmos and the human touch with supernatural beings. Mantras explain the thinking about the role and importance of human to master, to nature, and man's relationship to life, an

intellectual expression and emphasize the beauty and subtlety of the people and the language. In conclusion, the words of the mantra can stimulate human psychology to become what it wants in accordance with the practice of the individual. However, the use of mantra for the Malay community is now less practiced because it is against the teachings of Islam.

Keywords: Psycholinguistics, Spells, Structural, Psychology, Occult

PENGENALAN

Dalam budaya Melayu, penggunaan mantera seiring dengan fahaman animisme yang mempengaruhi kepercayaan dan pemikiran mereka terhadap sesuatu kejadian. Penggunaan mantera mula berubah setelah Islam masuk ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 hingga abad ke-15. Unsur sintisisme di antara Islam dan animisme telah mewujudkan berlaku suatu sifat yang universal dalam penggunaan dan pengucapan mantera. Struktur mantera telah diberi perubahan dan pembauran Islam, contohnya, mantera akan dimulai dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan diakhiri dengan Lailahail-lallah. Maka penggunaan dan pengucapan mantera telah menjadi universal sifatnya. Dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang indera manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu tersebut. Namun, penggunaan mantera bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Makalah ini bertitik tolak daripada teori psikolinguistik yang melihat proses kreatif dalam berbahasa boleh mempengaruhi psikologi manusia dan teori struktural yang melihat dunia kata-kata dalam mantera. Teori struktural tidak akan dilihat sebagai dunia yang autonomous tetapi akan dihubungkan dengan konteks atau budaya masyarakat yang melahirkan mantera. Mantera ialah karangan berangkap yang menerangkan world-view dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual

serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.

Psikolinguistik

Psikolinguistik merupakan perkataan yang terhasil daripada gabungan dua kata iaitu, psikologi dan linguistik. Psikologi merupakan kata pinjaman daripada kata psyche (jiwa/ roh) dan logos (ilmu) yang berasal dari Greek (Yunani), membawa maksud ilmu kejiwaan. Manakala linguistik pula adalah kata pinjaman daripada lingua dari Latin. Lingua ditakrifkan sebagai ilmu yang mempelajari bahasa secara ilmiah (Kridalaksana, 1982: 99). Menurut George A. Miller (1964), ilmu psikolinguistik adalah ilmu yang meneliti kaedah sebenar penutur sesuatu bahasa membentuk atau menaakul ayat-ayat. Ia juga bertujuan untuk menghuraikan proses psikologi yang berlaku ketika seseorang menggunakan ayat. Miller menegaskan bahawa kelahiran disiplin ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ahli psikologi sudah lama mengakui bahawa otak manusia itu menerima simbol-simbol linguistik. Manakala, Aitchison (1998), pula mendefinisikan psikolinguistik sebagai kajian bahasa dan akal budi. Beliau membahagikan bidang kajian psikolinguistik kepada beberapa topik utama iaitu:-

- i. Aspek-aspek yang berkaitan dengan pemerolehan pengetahuan bahasa pertama atau bahasa ibunda.
- ii. Aspek-aspek yang berkaitan dengan proses pemahaman input-input bahasa.
- iii. Aspek-aspek yang berkaitan dengan ingatan dan penyimpanan maklumat-maklumat bahasa atau pengetahuan bahasa.

Mangantar Simanjuntak (1987) pula mentakrifkan psikolinguistik sebagai cabang linguistik yang bergabung dengan ilmu psikologi untuk menganalisis bahasa dan pertuturan, iaitu proses-proses yang berlaku pada waktu seseorang bertutur dan memahami ayat-ayat yang didengarnya. oleh yang demikian,

psikolinguistik adalah disiplin ilmu yang mengkaji apa yang dikaji oleh disiplin linguistik dan psikologi. Dengan demikian, disiplin ini kadang-kala dikenali juga sebagai psikologi bahasa disiplin ilmu ini secara saintifik menganalisis perkara-perkara yang berlaku dalam akal budi manusia semasa seseorang itu berbahasa dan memberi tumpuan dalam aspek yang berkaitan dengan perlakuan manusia yang melibatkan bahasa bidang psikolinguistik berusaha untuk mengenalpasti struktur dan proses yang mendasari kebolehan manusia untuk bercakap dan memahami bahasa iaitu meneliti hal yang berlaku di dalam diri individu.

Menurut George A. Miller (1965), ilmu psikolinguistik bertujuan untuk menghuraikan proses psikologi yang berlaku ketika manusia menggunakan ayat. Beliau pernah menegaskan bahawa kelahiran disiplin ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ahli psikologi sudah lama mengakui bahawa otak manusia itu menerima simbol-simbol linguistik. Sehubungan itu, bahasa atau dunia kata-kata dalam mantera akan dilihat berdasarkan bagaimana bentuk pengucapan mantera boleh mempengaruhi indera, pemikiran atau psikologi manusia atau individu yang mengamalkannya.

Teori Struktural dan Konteks Masyarakat Melayu

Makalah ini turut memanfaatkan pendekatan struktural dan sosiologikal. Teori struktural melihat teks sebagai dunia katakata yang autonomous dan rujuk sendiri yang melihat teks sebagai dunia yang tertutup. Bacaannya memberi tumpuan kepada aspek-aspek intrinsik teks terutama yang difokuskan adalah aspek-aspek bentuk dan tema atau isi. Walaupun tertutup tetapi teori struktural membenarkan teks dikaitkan dengan teks-teks lain “does not look through and beyond the text but concentrates on matters of style, internal organization and cross reference to other literary works” (Barthes, 1987: 53).

Pendekatan struktural dengan demikian membenarkan penerokaan aspek bentuk dan tema atau isi dan dibincangkan. Unsur-unsur bentuk dan tema atau isi ini (mantera) kemudiannya

akan dihubungkan pula dengan konteks, sosiobudaya yang melatari teks tersebut. Pendekatan struktural dengan demikian dapat menampilkan aspek-aspek dalaman teks yang kemudiannya akan dihubungkan dengan dunia luar melalui bacaan kontekstual.

Analisis kontekstual pula bertitik tolak daripada teori sosiologi sastera yang melihat sastera sebagai produk budaya. Justeru ia bukan sahaja melahirkan atau mencerminkan dunia zamannya tetapi juga amat dipengaruhi dan ditentukan oleh zamannya “the productions of the human mind, like those of animated nature, can only be explained by their milieu” (H.Taine, 1875: 34). Maka bentuk kata-kata mantera akan dilihat berdasarkan sosial masyarakat yang melahirkannya dan mengamalkannya.

Mantera

Mantera ialah sejenis puisi yang tidak tentu bentuknya, berangkap atau tidak, mempunyai rima atau tidak. Jika berangkap tidak tentu jumlah larik serangkap dan jumlah perkataan dalam selarik. Mungkin mengandungi bentuk-bentuk yang lain, misalnya pantun; dan biasanya memerlukan beberapa larik atau rangkap yang berturutan untuk membina satu keseluruhan. Dari segi bentuk dan struktur mantera sama dengan talibun, teromba dan lain-lain. Ia tergolong sebagai mantera kerana isi dan fungsinya sebagai “mantera” dan digunakan untuk tujuan-tujuan pengubatan, upacara dan perbomohan (Harun Mat Piah et.al, 2000).

Merujuk kepada petikan yang terdapat dalam Sulalatus Salatin (1996:226-227): “Maka oleh si pelulut akan lulut daripada Hang Nadim itu, disapukannya pada tubuh Tun Teja, seraya dibujuk-bujuknya Tun Teja, dengan kata yang lemah lembut, lagi dengan manis mulutnya mengeluarkan kata-kata itu; katanya, “sekarang pun ada hamba raja Melaka di sini, Hang Nadim namanya; disuruh baginda mengambil tuan. Hendak pun disuruh baginda dengan kebesaran, kalau-kalau tiada diberi oleh Yang Dipertuan Pahang; sebab itulah maka disuruhnya curi pada Hang Nadim. Jikalau tuan mau dibawanya ke Melaka, nescaya dipersiteri

oleh raja Melaka, kerana baginda tiada beristeri kerajaan, tuanlah kelak jadi raja perempuan di Melaka. Jikalau tuan dipersisteri oleh raja Pahang, bermadulah tuan dengan raja perempuan Pahang. Jikalau tuan jadi isteri raja Melaka, tiada dapat tiada menyembah kelak raja perempuan Pahang kepada tuan.” Maka Tun Teja pun redalah mendengar kata perempuan tua si pelulut itu, sebab itulah maka tiada diberi oleh segala orang yang berakal, anak cucunya berlulut pada si pelulut; adalah seperti kata syair; La ta’manana ‘ajuzatan dakhlabal ta’manana asadan ma’a l-ghanama; yakni, jangan kamu percaya akan perempuan tua masuk ke rumah kamu; adakah harimau dipercayai serta kawan kambing?”

Berdasarkan petikan di atas, peristiwa Tun Teja yang berada di Pahang dan bakal berkahwin dengan Yang Dipertuan Pahang telah dilarikan ke Melaka oleh Hang Nadim di dalam Sulalatus Salatin berkaitan dengan ilmu guna-guna dan mantera yang digunakan oleh si pelulut. Akibatnya, Tun Teja telah berjaya dibawa oleh Hang Nadim ke Melaka dan berkahwin dengan raja Melaka. Peristiwa ini juga menyebabkan Yang Dipertuan Pahang (Sultan Abdul Jamal) menjadi murka dan marah dengan tindakan Hang Nadim dan Sultan Mahmud Syah di Melaka.

Pelulut ialah orang yang pekerjaannya menyapukan atau menggosokkan lulut. Lulut ialah bedak wangi yang digunakan untuk membersihkan badan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam Sulalatus Salatin, pengarang telah mengingatkan masyarakat pada masa itu supaya tidak menghampiri atau berdampingan dengan pelulut. Sikap pelulut yang boleh memporak perandakan hubungan suami isteri, anak dan ibu, saudara mara dan lain-lain dikhuatiri akan menjadi masalah sosial yang tidak dapat dibendung. Dalam Sulalatus Salatin ini, tidak diperikan kepada kita kata-kata yang digunakan oleh si pelulut untuk memujuk Tun Teja supaya mengikut Hang Nadim, namun berdasarkan konteks perbuatan si pelulut yang sememangnya kerjanya adalah untuk berlulut (menyapu bedak wangi) dan menggunakan kata-kata yang lemah lembut dan manis, maka kata-kata itu dianggap sebagai mantera dalam ruang lingkup konteks pekerjaan si pelulut. Justeru, disebabkan kata-kata si pelulut dan bahan yang digunakan olehnya

ketika melulut, maka kata-kata si pelulut telah berjaya mempengaruhi orang yang mendengarnya iaitu Tun Teja. Kuasa dalam katakata itulah yang dianggap sebagai mantera.

Menurut Haron Daud (2001) pengucapan dalam mantera banyak menggunakan bahasa berirama atau puisi yang mengandungi unsur magis yang diamalkan oleh seseorang bomoh atau dukun atau pawang dan digunakan untuk memperoleh kebaikan atau sebaliknya. Berikut adalah ciri-ciri mantera;

- a) Berupa teks ucapan yang terbina daripada kata-kata atau ayat dalam bentuk puisi atau prosa berirama.
- b) Isi teks mengandungi konotasi magis atau berkaitan dengan kuasa luar biasa.
- c) Kata-kata atau ayat yang membina teks itu diperoleh melalui perguruan atau penurunan secara ghaib.
- d) Mempercayai dan meyakini sepenuhnya serta diamalkan atau dipraktikkan bersungguh-sungguh dengan memenuhi syarat-syarat dan mematuhi pantang larang yang dikenakan atau ditetapkan.
- e) Digunakan untuk kegunaan tertentu sama ada baik atau sebaliknya.

Justeru, berdasarkan ciri-ciri mantera yang disebutkan tadi,, kekuatan kata-kata dalam mantera yang diamalkan oleh penuturnya akan mempengaruhi psikologi penutur yang mengamalkannya dan ia juga mesti yakin dengan amalan yang dilakukan tersebut supaya berhasil.

Dalam budaya Melayu, perkataan jampi serapah lebih sinonim dengan mereka dan menurut Harun Mat Piah (1989) mantera ialah: "Semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa, yang mengandungi tujuan dan konotasi magis, pengubatan dan perbomohan... merangkumi semua nama dan jenis pengucapan yang sama fungsinya seperti... jampi, serapah, tawa, sembur, cuca, puja, seru tangkal dan lain-lain."

Istilah lain yang digunakan untuk mantera ialah "ilmu" atau dalam Jawa "ngelmu." Pengamal yang mempunyai pelbagai

mantera kadangkala digelar sebagai orang berilmu dan sehubungan dengan inilah timbulnya perkataan ilmu pengasih, ilmu penunduk, ilmu kebal dan sebagainya. Sering juga kita mendengar ungkapan “Oh dia tu berilmu!” Ertinya kita harus berwaspada dan andainya tidak berhati-hati akan mengalami atau menerima kecelakaan atau musibah. Gambaran ini sering dikaitkan dengan “ilmu putih” dan “ilmu hitam” (Noriah Mohamed, 2006).

Maka, mantera ialah susunan kata-kata yang mempunyai makna tertentu dan diujarkan oleh orang yang tertentu berdasarkan niat atau maksud yang diingini. Ia boleh digunakan dan diucapkan oleh pengamalnya berdasarkan konteks masa, tempat dan lain-lain seperti bila ia harus diujarkan, di mana boleh diucapkan, untuk apa dan bagaimana. Dalam hal ini, masyarakat pengamal mantera biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai tujuan atau maksud tertentu dalam hidup mereka. Ia sebagai landasan untuk mencapai sesuatu hajat dengan jalan pintas dan secara halus. Mantera juga ialah karangan berangkap yang menerangkan world-view dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.

Keindahan dalam Mantera Merangsang Deria Pendengar dan Penutur

Pemerian tentang kekuatan dan kekuasaan makhluk lain di dalam kata-kata mantera secara tidak langsung akan merangsang deria dengar dan deria rasa (rasa hebat) kepada pendengar. Kesan kehebatan dalam kata-kata mantera terhadap deria rasa (rasa hebat) dan deria dengar penutur dan khalayak secara tidak langsung akan meninggalkan kesan rasa takjub, aneh dan luar biasa. Ia boleh merangsang deria penutur dan pendengar menjadi percaya, takjub dan yakin dengan kehebatan kata-kata mantera

tersebut. Contoh mantra yang merangsang deria dengar dan deria rasa (rasa hebat) ialah:

Daun ribu kanan ribu, Anak buaya merentang tasik,
Seribu aku berjalan, Aku juga dipandang cantik

(Sentuhan Rasa dan fikir dalam Puisi Melayu Tradisional
:142)

Penggunaan buaya di baris dua mungkin memaparkan kehebatan yang diharapkan pada diri supaya kelihatan berbeza daripada orang lain. Perbezaannya kebanyakan manusia cuba menghindari diri daripada buaya tetapi kehebatan yang ada pada manusia akan segera dicari untuk didampingi (Noriah Mohamed, 2006).

Dalam mantra, si pengamal sering menggunakan unsur alam sebagai lambang seperti gunung dan laut, bergantung pada bentuk mantra yang digunakan. Jika mantra digunakan sebagai penghias diri atau penggamit kasih, selalunya diungkapkan sesuatu yang indah dan menyenangkan seperti bulan, matahari, bintang dan sebagainya. Jika mantra itu khusus untuk kekuatan tenaga sama ada lahir atau batin, sering kali kekuatan besi seperti besi khursani dirujuk. Pemaparan beberapa mantra memperlihatkan betapa manusia memerlukan suatu kuasa untuk merubah nasib diri sejajar dengan matlamat yang diinginkan. Sikap kebergantungan manusia amat ketara sehingga dicipta suatu mantra yang ampuh dan mujarab di samping memohon kepada suatu kuasa yang mutlak untuk mengabulkannya (Noriah Mohamed, 2006).

Struktur kata-kata mantra terdiri daripada pelbagai bentuk. Penyampaian mantra mendekati bentuk puisi kerana ia memanfaatkan unsur bunyi, pemilihan kata-kata yang istimewa serta penggunaan bahasa yang bersukat, berentak dan berirama. Pemilihan kata-kata yang tersusun, padat dan puitis dalam bentuk-bentuk berlagu, berirama dan bersajak mempunyai keseimbangan dan menimbulkan irama keindahan yang tidak ternilai. Ada bentuk

mantera seperti pantun. Contohnya mantera ilmu cahaya air oleh Tuk Su Mah (1984) yang dipetik dalam Noriah Mohamed (1996);

Hei air si alam air,
Air ada dalam perigi,
Aku pakai ilmu air,
Seperti bunga kembang pagi.

Contoh yang lain ialah mantera pemanis Orang Asli (Jahet) dipetik dalam Rogayah A.Hamid (2007):

Pucuk manis daun manis,
Kumbang bunga tetap macam batu,
Duduk ku manis,
berdiriku manis,
Manis juga seorang aku.

Kedua-dua contoh mantera di atas menyamai bentuk pantun. Baris pertama dan baris kedua adalah unsur pembayang dan membawa maksud kepada baris ketiga dan keempat. Penggunaan bentuk seperti ini membawa kepada keharmonian penutur dan pendengar, maka ia secara tidak langsung akan meninggalkan kesan terhadap jiwa seseorang yang membaca, mendengar atau menatapnya. Struktur kata-kata dalam mantera boleh memberikan rangsangan semangat kepada pendengarnya. Kesan keindahan yang terdapat dalam mantera tersebut dapat merangsang deria lihat dan deria dengar dan ia boleh mencetuskan kesan rasa seperti “terpikat”, “terpegun” dan seumpamanya. Namun, jika kesan keindahan itu terlalu kuat dan hebat serta tidak dapat diimbangi oleh kekuatan akal, maka ia akan meninggalkan si penerima dalam keadaan jiwa yang celaru dan “kacau” sehingga akan mengakibatkan timbulnya keadaan seperti “lupa diri”, “mabuk” dan boleh membawa kepada “pengan.”

Contohnya dalam mantera “Ulit Mayang”, semangat pesakit dipulihkan dengan pujukan lembut sehingga makhluk halus seperti hantu laut yang menegur nelayan, kembali ke tempat asalnya.

Mantera “Ulit Mayang” juga digunakan untuk memulihkan orang yang dirasuk oleh hantu hutan (Rogayah A.Hamid, 2007). Menurut Ismail Hussein (1974) karya-karya puisi bertindak sebagai mantera yang bercirikan “sympathetic magic” atau disebut sebagai:

“By describing an action in the song one stimulates and promotes the action itself, that when one mentions success in the song, success itself in magical way will be forced to appear.”

Konsepsi tentang magis bahasa atau verbal magic ini mengaitkan juga bahasa dengan kuasa untuk mempengaruhi, mengubah dan melentur emosi, juga tindak tanduk, malah untuk mengubah alam dan realiti. Istilah mantera itu sendiri membawa konotasi yang sedemikian. Mantera daripada kata akar Sanskrit “man” bermaksud “hati” dan “tra” bermaksud “tenteram”, dan apabila digabungkan melunjurkan maksud “menenteramkan hati”, menundukkan unsur-unsur jahat atau nafsu yang merosakkan hati. Berdasarkan konsep tersebut, bunyi dan kata yang disusun dalam mantera sama dengan perkataan-perkataan suci yang tersusun dalam kitab-kitab suci, dan kemudiannya bahasa yang digubah secara halus dan seni, diasosiasikan dengan kuasanya sebagai penyembuh jiwa yang dibahasakan sebagai “verbal healing” untuk mengawal dan mengimbangkan emosi, atau istilah psikologinya disebut fungsi psikoterapetik. (Noriah Taslim, 2007). Contoh mantera oleh Mat Dollah, Alor Setar, Kedah yang dipetik dalam Rogayah A.Hamid (2007);

Mantera memulihkan orang yang dirasuk hantu

Bismi’llahi’l-Rahmani’l-Rahim
Bapa ke langit, ibu ke bumi
Nenek jin Putih, raja di bumi
Kalau engkau mari berjalan
Engkau balik dengan berjalan
Kalau engkau mari dengan mengesot

Engkau balik dengan mengesot
Kalau engkau mari dengan mengiring
Engkau balik dengan mengiring
Kalau engkau mari dengan melentang
Engkau balik dengan melentang
Kalau engkau mari dengan meniarap
Engkau balik dengan meniarap
Kalau engkau mari dari bukit
Engkau kembali balik ke bukit
Kalau engkau mari dari rimba
Engkau kembali balik ke hutan
Kalau engkau mari dari padang
Engkau kembali balik ke padang
Kalau engkau mari dari kubang
Engkau kembali balik ke kubang
Kalau engkau mari dari pusat Tasik Pauh Janggi
Engkau kembali balik ke pusat Tasik Pauh Janggi
Kalau engkau tidak kembali
Aku sumpah dengan kata Allah
Aku sumpah dengan kata Muhammad
Dengan berkat doa
La ilaha illa 'Ilah, Muhammdar Rasulullah.

Pengucapan ini memohon supaya makhluk yang mengganggu pesakit keluar daripada badan pesakit dan kembali ke tempat asal daripada mana dia datang. Struktur verbal yang berulang-ulang seperti “kalau engkau mari” dan “Engkau kembali balik” dilihat sebagai kata-kata yang boleh menjadi terapi atau penyembuh kepada pendengar. Perkataan itu disebut berulang-ulang dan ia boleh merangsang deria dengar pesakit bahawa “makhluk” tersebut telah keluar daripada badannya dan penyakitnya telah sembuh.

Dalam konteks masyarakat Melayu yang masih berada dalam lingkungan zaman sintisisme di antara Hindu dan Islam, kepercayaan kepada bomoh, bidan dan lain-lain adalah sesuatu yang menjadi sebahagian daripada norma dan nilai dalam

kehidupan mereka dan kata-kata bomoh, bidan ini amat dipercayai dan merka dihormati dalam sistem sosial masyarakat pada masa itu selepas daripada Penghulu atau Ketua Kampung.

Kedudukan struktur sosial dalam masyarakat Melayu tradisional boleh digolongkan kepada kelompok pemerintah dan rakyat jelata. Bagi memperkukuhkan kedudukan itu, masyarakat dipupuk dengan nilai-nilai sosial yang berasaskan kepada keturunan. Kedudukan sosial yang ditentukan secara keturunan itu mempengaruhi kehidupan secara menyeluruh. Misalnya, dalam kalangan rakyat jelata terdapat world-view bahawa kebolehan, perangai dan tingkah laku seseorang itu diwarisi secara keturunan. Seorang yang mewarisi ilmu perbomohan secara keturunan diberi nilai yang lebih tinggi berbanding dengan ilmu perbomohan yang diterima secara menuntut (Wan Abdul Kadir, 2000). Pendidikan kemahiran sangat penting dalam masyarakat Melayu, ia meliputi kemahiran bertukang, ilmu perbomohan dan silat atau ilmu mempertahankan diri. Maka, adalah tidak mustahil bahawa ilmu perbomohan ini sentiasa berkembang dalam world-view masyarakat Melayu pada masa dahulu dan kedudukan mereka dipandang tinggi dalam masyarakat.

Tradisi perbomohan telah wujud sebelum Islam datang ke Tanah Melayu lagi. Menurut Winstedt (1961) yang dipetik dalam Hasan Mat Nor (2007) prototaip bomoh ialah Shaman yang terdapat dalam budaya Jawa Kuno. Apabila masyarakat Melayu menerima Islam, tradisi perbomohan disesuaikan dengan ajaran agama Islam dengan mengubahsuaikan perkataan-perkataan daripada pengaruh Hindu seperti Nur Muhammad, Allah dan bismillah. Unsur sintisisme antara Hindu dan Islam terungkap dalam mantera yang dituturkan oleh bomoh, pawang, bidan Melayu. Maka, dalam mantera, dunia kata-kata dilihat memberikan pengaruh yang besar terhadap seseorang individu dan masyarakat yang mengamalkannya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dunia kata-kata dalam mantera boleh mempengaruhi psikologi pemikiran dan perlakuan pengamalannya. Penggunaan kata-kata dalam mantera yang berulang-ulang, dalam bentuk seperti gaya bahasa berirama boleh merangsang deria lihat, deria dengar dan deria rasa (dalaman) sehingga boleh mempengaruhi pemikiran dan perlakuan individu dan menyebabkan penuturnya menjadi leka, alpa dan khayal. Penggunaan mantera yang berterusan secara konsisten boleh menyebabkan penuturnya mencapai ke suatu tahap proses khatarsis iaitu penyucian jiwa atau penyembuhan jiwa. Maka, disebabkan itulah mantera dianggap sebagai terapi dan ubat bagi penyakit jiwa, penyakit-penyakit misteri dalam konteks masyarakat Melayu tradisi.

Menurut Hasan Mat Nor (2007) pengetahuan bermantera, jampi dan serapah terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu. Keadaan ini berlaku kerana pandangan semesta orang Melayu pada masa kini masih belum bebas daripada kepercayaan animisme. Alam ghaib, hantu, syaitan, jin, semangat, sihir tetap menjadi elemen yang dipercayai kewujudannya. Umumnya walaupun orang Melayu kini telah mencapai tahap pendidikan yang tinggi dan mungkin dianggap mampu berfikir secara lebih rasional, namun pengaruh pandang semesta mereka terus kekal dalam minda bawah sedar mereka. Akibatnya, apabila sahaja mereka berhadapan dengan masalah yang dianggap tidak mampu diselesaikan secara rasional, maka kesedaran untuk bergantung pada bomoh dan mantera untuk membantunya supaya bebas daripada sebarang keresahan yang dihadapi tetap dapat berterusan. Dan kerana itulah institusi perbomohan masih terus dapat bertahan.

Islam memainkan peranan penting dalam membina world-view penganut-penganutnya, dan nilai-nilai yang diberikan oleh Islam diperkukuhkan pula dengan world-view yang dibina oleh Islam. Dengan cara ini dapat terus memperkukuh dan memperkuat ketahanan penganut terhadap hidup dan mati.

Rasional yang diberikan oleh Islam meresap dan tidak mudah tergugat dengan anasir-anasir karut dan magis. Penggunaan mantera yang menggunakan kata-kata seru dan pemujaan adalah bersalahan dan bertentangan dengan world-view agama Islam yang sebenar. Penggunaan mantera adalah bersalahan dengan akidah dan moral masyarakat Melayu Islam dan ia wajar dihindari.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abd Talib. (1995). "Jean Piaget dan Teori Perkembangan Bahasa." dlm *Jurnal Dewan Bahasa* 39 (1): 57-61.
- Aitchison, Jean.(1998). *The articulate mammal. An introduction to psycholinguistics*. London: Routledge.
- George A. Miller. (1965). *The psycholinguists. Encounter*, July 1964, pp. 29-37.
<http://www.unz.org/Pub/Encounter1964jul-00029>.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus linguistik*. Gramedia: Jakarta.
- Haron Daud. (2007). "Penggunaan Mantera dalam bidang Perbomohan dan Perubatan Tradisional Melayu" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Mat Nor. (2007). "Mantera, Perbomohan dan Pandangan Semesta Melayu dari Perspektif Sosiologi dan Antropologi" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang et.al. (1990). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Fajar Bakti
- Ismail Hussein. (1974).*The Study of Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar psikolinguistik moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noriah Taslim. (2007). "Mekanisme Kuasa dalam Mantera: Satu Analisis dari Pendekatan Pragmatik" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sulalatus Salatin. (1996). A.Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Masfami Enterprise
- Zulkifley Hamid. (1996). *Teori dan konteks untuk pengajaran bahasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.